- 2.3 Awad Terus / Rundingan Terus (*Direct Award / Direct Negotiation*)

3. Tatacara Perolehan Bagi Bekalan / Perkhidmatan / Kerja Kerajaan Negeri Secara Sebut Harga Terhad / Tender Terhad (*Restricted / Selective Quotation / Tender*), Tender Pra-Kelayakan (*Pre-Qualification Tender*) dan Awad Terus / Rundingan Terus (*Direct Award / Direct Negotiation*)

Bagi memperbaiki dan mempertingkatkan ketelusan, akauntabiliti dan urus tadbir yang baik dalam sistem perolehan Kerajaan, Tatacara Perolehan Bagi Bekalan / Perkhidmatan / Kerja Kerajaan Negeri Secara Sebut Harga Terhad / Tender Terhad (*Restricted / Selective Quotation / Tender*), Tender Pra-Kelayakan (*Pre-Qualification Tender*) dan Awad Terus / Rundingan Terus (*Direct Award / Direct Negotiation*) adalah **dipinda** seperti ketetapan berikut :

Bil.	Kaedah Perolehan	Had Nilai	Pihak Berkuasa Melulus	Tatacara Perolehan
3.1	Sebut Harga Terhad / Tender Terhad <i>(Restricted / Selective Quotation / Tender)</i>	Sehingga RM5 Juta	Setiausaha Kewangan Negeri	Sila rujuk Tatacara Sebut Harga / Tender Terhad <i>(Restricted / Selective Quotation / Tender)</i> seperti di Lampiran A
		Melebihi RM5 Juta	Dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) terlebih dahulu untuk perakuan sebelum dipertimbangkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri	
3.2	Tender Pra-Kelayakan <i>(Pre-Qualification Tender)</i>	Sehingga RM10 Juta	Setiausaha Kewangan Negeri	Sila rujuk Tatacara Tender Pra-Kelayakan <i>(Pre-Qualification Tender)</i> seperti di Lampiran B
		Melebihi RM10 Juta	Dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) terlebih dahulu untuk perakuan sebelum dipertimbangkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri	
3.3	Awad Terus / Rundingan Terus <i>(Direct Award / Direct Negotiation)</i>	Sehingga RM5 Juta	Setiausaha Kewangan Negeri	Sila rujuk Tatacara Awad Terus / Rundingan Terus <i>(Direct Award / Direct Negotiation)</i> seperti di Lampiran C
		Melebihi RM5 Juta	Dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) melalui <i>State Cost Committee</i> terlebih dahulu untuk perakuan sebelum dipertimbangkan oleh Setiausaha Kewangan Negeri	

4. **Panduan Pemakaian Tatacara Perolehan Bagi Bekalan / Perkhidmatan / Kerja Kerajaan Negeri Secara Sebut Harga Terhad / Tender Terhad (*Restricted / Selective Quotation / Tender*), Tender Pra-Kelayakan (*Pre-Qualification Tender*) dan Awad Terus / Rundingan Terus (*Direct Award / Direct Negotiation*)**

4.1 Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersekali dengan Tatacara Perolehan Tender dan Kaedah-Kaedah lain perolehan seperti berikut :-

(a) **Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri** melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 07/2017 bertarikh 19.10.2017 bagi Kementerian/ Jabatan yang sedang berkuatkuasa.

(b) **Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri** melalui Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 09/2017 bertarikh 05.12.2017 bagi Badan-Badan Berkanun yang sedang berkuatkuasa.

5. Bagi tujuan surat ini, takrifan **Agensi** adalah merujuk kepada Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun Negeri.

6. Manakala, takrifan **Ketua Agensi** adalah seperti berikut :-

6.1 Bagi **Kementerian / Jabatan**, Ketua Agensi bermaksud **Pegawai Pengawal** dan takrifan Pegawai Pengawal adalah seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan.

6.2 Bagi **Badan-Badan Berkanun**, Ketua Agensi bermaksud **Ketua Pegawai Eksekutif** dan takrifan Ketua Pegawai Eksekutif adalah seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 2(1) *Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedures) Ordinance, 1995* seperti berikut:-
"*Interpretation of "Chief Executive Officer", in relation to a statutory body, shall mean its principal executive officer who is responsible for the day to day administration and management of that statutory body*".

7. **Pindaan dan Pembatalan Peruntukan dalam Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri dan Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri**

Surat pekeling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan. Oleh yang demikian, Tatacara Perolehan berikut adalah **dibatalkan**:

- 7.1 **Perenggan 2, Bab 4** – Tatacara Sebut Harga/ Tender Terhadap (*Restricted Quotation/ Tender*)- Kaedah-kaedah Lain Perolehan (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2017- Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri bertarikh 19.10.2017 dan Bil.09/2017 Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak bertarikh 05.12.2017.
- 7.2 **Perenggan 3, Bab 4** – Tatacara Tender Secara Pra-kelayakan (*Pre-Qualification Tender*) - Kaedah-kaedah Lain Perolehan (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2017- Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri bertarikh 19.10.2017 dan Bil.09/2017 Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak bertarikh 05.12.2017.
- 7.3 **Perenggan 4, Bab 4** - Tatacara Pengecualian Prosedur Sebut Harga/ Tender (*Pre-Qualification Tender*) - Kaedah-kaedah Lain Perolehan (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2017- Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri bertarikh 19.10.2017 dan Bil.09/2017 Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak bertarikh 05.12.2017.
- 7.4 **Perenggan 5, Bab 4** – Tatacara Awad Terus Perolehan Kerja Secara Turnkey Project/ Rundingan Terus (*Direct Negotiations*)- Kaedah-kaedah Lain Perolehan (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2017- Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri bertarikh 19.10.2017 dan Bil.09/2017 Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak bertarikh 05.12.2017.
- 7.5 **Perenggan 6, Bab 4** – Tatacara Pengeluaran Surat Niat (*Letter of Intent*) (Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.07/2017 - Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri bertarikh 19.10.2017 dan Bil.09/2017 Tatacara Perolehan Badan-Badan Berkanun Negeri Sarawak bertarikh 05.12.2017.
- 7.6 Memorandum Rasmi Setiausaha Kewangan Negeri rujukan bil:CTB/8/219(4) dan CTB/8/219(4) bertarikh 11.02.2021 - Cadangan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Berkaitan Perolehan Projek / Bekalan / Perkhidmatan (Kementerian / Jabatan) .
- 7.7 Surat Rasmi Setiausaha Kewangan Negeri rujukan CTB/8/219(4) bertarikh 11.02.2021 - Cadangan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Berkaitan Perolehan Projek/ Bekalan/ Perkhidmatan (Badan – Badan Berkanun).
- 7.8 **Perenggan 3** - Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 07/2013 bertarikh 30.08.2013 - Gred Pendaftaran Kontraktor Kerja bagi Peruntukan Persekutuan.


8. Penguatkuasaan dan Pemakaian Surat Pekeliling

- 8.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat pekelling ini dikeluarkan .
- 8.2 Sebarang pengecualian daripada ketetapan dalam surat pekelling ini hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Setiausaha Kewangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

" BERSATU BERUSAHA BERBAKTI "

" AN HONOUR TO SERVE "

A large, stylized handwritten signature in blue ink, consisting of several overlapping loops and a long horizontal stroke.

[DATU DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR]
Setiausaha Kewangan Negeri
Sarawak

Lampiran

- s.k.:
1. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
 2. Yang Arif Peguam Besar Negeri Sarawak
 3. Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Ketua Menteri Sarawak
 4. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
 5. Pengarah Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri Sarawak
 6. Akauntan Negeri, Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak
 7. Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION) Sarawak

**TATACARA PEROLEHAN BAGI SEBUT HARGA / TENDER TERHAD
(RESTRICTED / SELECTIVE QUOTATION / TENDER)**

1.0 Sebut Harga / Tender Terhadap yang bernilai sehingga RM5 Juta

- 1.1 Sebut harga / tender terhadap boleh dilaksanakan atas sebab-sebab seperti kesegeraan, keselamatan, jumlah pembekal / kontraktor yang berdaftar dengan UPKJ adalah terhadap atau kerja-kerja yang memerlukan kepakaran khusus atau sebab-sebab lain yang berkaitan serta munasabah.
- 1.2 Agensi yang hendak membuat perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja secara sebut harga / tender terhadap hendaklah mengemukakan permohonan kepada **Setiausaha Kewangan Negeri** untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 1.3 Agensi hendaklah mengenalpasti dan mengemukakan **sekurang-kurangnya lima (5) pembekal / kontraktor yang kompeten** iaitu pembekal / kontraktor yang mempunyai pengalaman / kepakaran yang berkaitan, kedudukan kewangan yang kukuh dan mempunyai rekod prestasi yang baik. Walau bagaimanapun, Agensi digalakkan untuk mengemukakan lebih dari lima (5) pembekal / kontraktor yang kompeten untuk dicadangkan untuk tujuan sebut harga / tender terhadap bagi mendapat harga yang lebih kompetitif.
- 1.4 Agensi hendaklah membuat penilaian dan perakuan pembekal / kontraktor bagi tujuan sebut harga / tender terhadap berdasarkan kepada Kriteria Penilaian seperti di **Lampiran A1**.
- 1.5 Setelah penilaian dan perakuan dibuat, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Setiap permohonan untuk sebut harga / tender terhadap hendaklah disertakan maklumat-maklumat berikut:-
 - (a) Tajuk bekalan / perkhidmatan / kerja;
 - (b) Skop bekalan / perkhidmatan / kerja;
 - (c) Latar Belakang setiap pembekal / kontraktor yang dicadangkan;

LAMPIRAN A

- (d) Tempoh siap;
- (e) Peruntukan sedia ada;
- (f) Anggaran kos bekalan / perkhidmatan / kerja;
- (f) Anggaran kos bekalan / perkhidmatan / kerja;
- (g) Justifikasi permohonan:-
 - Sebab-sebab sebut harga / tender terhad dicadangkan dan sebab-sebab sebut harga / tender terbuka tidak dapat dibuat;
- (h) Penilaian dan perakuan pembekal / kontraktor yang dicadangkan untuk sebut harga / tender terhad;
- (i) Maklumat pengalaman, kedudukan kewangan dan prestasi pembekal / kontraktor yang dicadangkan; dan
- (j) Maklumat pendaftaran pembekal / kontraktor seperti berikut:-
 - (i) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ);
 - (ii) Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) (Bagi kerja sahaja);
 - (iii) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah (Perseorangan / Perkongsian);
 - (iv) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM (Sdn Bhd / Bhd);
 - (v) Lesen Perniagaan (*Trade License*) yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah;
 - (vi) Lain-lain maklumat pendaftaran yang berkaitan.

Contoh Format Borang Permohonan Sebut Harga / Tender Terhad (Selective Quotation / Tender) untuk Perolehan bernilai sehingga RM5 Juta adalah seperti di Lampiran A2.

- 1.6 Setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri, Surat Jemputan hendaklah dikeluarkan kepada kepada pembekal / kontraktor yang telah diluluskan untuk mengemukakan sebut harga / tender.

LAMPIRAN A

- 1.7 Walau bagaimanapun, bagi pembekal / kontraktor tempatan yang diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri tetapi tidak berdaftar dengan UPKJ, maka **deposit sebut harga / tender** dalam bentuk **Draf Bank / Jaminan Bank** hendaklah dikenakan sebanyak **dua setengah peratus (2.5%)** daripada harga tawaran pembekal / kontraktor tersebut atau maksimum **RM10,000.00** dan dikemukakan bersekali dengan tawaran sebut harga / tender.
- 1.8 Setelah Surat Jemputan dikeluarkan, proses penjualan dokumen sebut harga / tender sehingga penilaian serta pertimbangan sebut harga / tender dan seterusnya pentadbiran kontrak hendaklah mengikut **Tatacara Perolehan Sebut Harga / Tender yang sedang berkuatkuasa.**
- 1.9 Carta Alir Tatacara Perolehan Bagi Sebut Harga / Tender Terhadap bagi perolehan yang bernilai sehingga RM5 Juta adalah seperti di **Lampiran A3.**

2.0 Tender Terhadap yang bernilai melebihi RM5 Juta

- 2.1 Bagi permohonan perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja secara tender terhadap yang bernilai melebihi RM5 Juta, Agensi hendaklah mengemukakan cadangan tersebut kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) terlebih dahulu untuk pertimbangan.
- 2.2 Agensi hendaklah mengenalpasti **sekurang-kurangnya lima (5) pembekal / kontraktor yang kompeten** iaitu pembekal / kontraktor yang mempunyai pengalaman / kepakaran yang berkaitan, kedudukan kewangan yang kukuh dan mempunyai rekod prestasi yang baik. Walau bagaimanapun, Agensi digalakkan untuk mengemukakan lebih dari lima (5) pembekal / kontraktor yang kompeten untuk dicadangkan untuk tujuan tender terhadap bagi mendapat harga yang lebih kompetitif.
- 2.3 Agensi hendaklah membuat penilaian dan perakuan pembekal / kontraktor bagi tujuan tender terhadap berdasarkan kepada Kriteria Penilaian seperti di **Lampiran A1**.
- 2.4 Setelah Agensi membuat penilaian dan mengenalpasti **sekurang-kurangnya lima (5) hingga sepuluh (10) pembekal / kontraktor yang kompeten**, cadangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada **MMKN terlebih dahulu** untuk pertimbangan. Kertas Cadangan MMKN hendaklah mengandungi maklumat berikut, antaranya :
- (a) Tajuk bekalan / perkhidmatan / kerja;
 - (b) Skop bekalan / perkhidmatan / kerja;
 - (c) Penilaian setiap pembekal / kontraktor yang dicadangkan mengikut kriteria seperti di **Lampiran A1**;
 - (i) Kriteria Mandatori Penilaian;
 - (ii) Keupayaan Teknikal;
 - (iii) Keupayaan Kewangan;
 - (iv) Lain-lain kriteria khusus yang berkaitan (jika ada).
 - (d) Peruntukan sedia ada;

LAMPIRAN A

- (e) Anggaran kos bekalan / perkhidmatan / kerja; dan
- (f) Maklumat-maklumat lain yang berkaitan (jika ada).

2.5 Setelah mendapat **kelulusan** daripada MMKN, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A4** serta menyatakan keputusan MMKN di dalam borang permohonan tersebut kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan dan pertimbangan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 168. Permohonan hendaklah disertakan dengan maklumat-maklumat berikut:-

- (a) Latar belakang bekalan / perkhidmatan / kerja;
- (b) Tajuk dan skop bekalan / perkhidmatan / kerja;
- (c) Justifikasi permohonan;
- (d) Kelulusan MMKN;
- (e) Maklumat pembekal / kontraktor yang diluluskan oleh MMKN;
- (f) Maklumat kewangan;
- (g) Maklumat-maklumat lain yang berkaitan (jika ada).

Contoh Format Borang Permohonan Tender Terhadap (Selective Tender) untuk Perolehan melebihi RM5 Juta adalah seperti di Lampiran A4.

- 2.6 Setelah mendapat kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri, surat jemputan hendaklah dikeluarkan kepada kepada pembekal / kontraktor yang telah diluluskan untuk mengemukakan tender.
- 2.7 Walau bagaimanapun, bagi pembekal / kontraktor tempatan yang diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri tetapi tidak berdaftar dengan UPKJ, maka **deposit tender** dalam bentuk **Draf Bank / Jaminan Bank** hendaklah dikenakan sebanyak **dua setengah peratus (2.5%)** daripada harga tawaran pembekal / kontraktor tersebut atau maksimum **RM10,000.00** dan dikemukakan bersekali dengan tawaran tender.

LAMPIRAN A

- 2.8 Setelah surat jemputan dikeluarkan, proses penjualan dokumen tender sehingga penilaian serta pertimbangan tender dan seterusnya pentadbiran kontrak hendaklah mengikut **Tatacara Perolehan Tender yang sedang berkuatkuasa**.
- 2.9 Carta Alir Tatacara Perolehan Bagi Tender Terhadap bagi perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja yang bernilai melebihi RM5 Juta adalah seperti di **Lampiran A5**.

KRITERIA PENILAIAN PEMBEKAL/ KONTRAKTOR BAGI PEROLEHAN SECARA SEBUTHARGA/ TENDER TERHAD

1.0 Agensi hendaklah memastikan penilaian pembekal/ kontraktor yang hendak diperakukan untuk cadangan sebutharga/ tender terhadap hendaklah mematuhi kriteria-kriteria berikut :

- (a) Kriteria mandatori pendaftaran
- (b) Keupayaan teknikal (*technical capacity*)
- (c) Keupayaan kewangan (*financial capability*)
- (d) Lain-lain kriteria khusus yang berkaitan (jika ada).

1.1 Kriteria Mandatori Pendaftaran

Pembekal / kontraktor yang diperakukan oleh Agensi untuk menyertai sebut harga / tender terhadap hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut:

- (a) Mempunyai pendaftaran dengan UPKJ;
- (b) Mempunyai pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) bagi perolehan kerja sahaja;
- (c) Mempunyai Lesen Perniagaan (*Trade License*), Sijil Pendaftaran Perniagaan (Sdn Bhd/ Bhd) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri/ Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
- (d) Lain-lain pendaftaran khusus yang ditetapkan untuk bekalan / perkhidmatan / kerja yang berkaitan.

1.2 Keupayaan Teknikal (*Technical Capacity*)

- (a) Pembekal / kontraktor yang diperakukan oleh Agensi untuk menyertai sebut harga / tender terhadap hendaklah mempunyai pengalaman yang serupa dengan skop bekalan / perkhidmatan / kerja sebut harga / tender yang hendak dibuat.

LAMPIRAN A1

- (b) Berdasarkan nilai dan kompleksiti sesuatu projek, Agensi boleh menetapkan syarat Tender Terhadap nilai minimum kontrak bekalan / perkhidmatan / kerja yang serupa (sedang dilaksanakan atau telah disiapkan) bersesuaian dengan skop bekalan / perkhidmatan / kerja/ projek sebut harga / tender yang hendak dipelawa.

Nilai minimum kontrak bekalan / perkhidmatan / kerja berkenaan adalah sama ada berdasarkan kepada satu nilai kontrak bekalan / perkhidmatan / kerja atau nilai terkumpul beberapa kontrak bekalan / perkhidmatan / kerja untuk projek yang serupa untuk tempoh tiga (3) tahun terkini (sama ada sebagai kontrak utama atau sub-kontrak) bagi bekalan / perkhidmatan / kerja berkenaan.

- (c) Agensi juga hendaklah mendapatkan maklumat tambahan mengenai pengalaman bekalan / perkhidmatan / kerja sebanding (sebagai contoh, projek yang dicadangkan ialah pembinaan jalan, maka maklumat pengalaman kontrak kerja-kerja pembinaan lain yang berkaitan boleh dikemukakan) sebagai maklumat tambahan kepada pengalaman serupa seperti yang ditetapkan di perenggan 1.2 (a) dan (b) di atas.
- (d) Maklumat pengalaman pembekal / kontraktor hendaklah disokong dengan dokumen tambahan seperti Surat Setuju Terima, Sijil Penyiapan Projek dan seumpamanya.
- (e) Baki nilai kontrak dalam pelaksanaan (*ongoing projects*) hendaklah diambilkira semasa penilaian keupayaan teknikal dibuat. Beban kerja yang banyak boleh memberi kesan kepada kontrak bekalan / perkhidmatan / kerja yang hendak dilaksanakan.

1.3 Keupayaan Kakitangan

Maklumat keupayaan kakitangan yang diperlukan dalam pelaksanaan kontrak bekalan/ perkhidmatan/ kerja (projek) berkenaan hendaklah diperolehi dan dinilai, sebagai contoh, Pengurus Projek, Pegawai Keselamatan dan Kesihatan, Jurutera Tapak, Pegawai Keselamatan Tapak dan seumpamanya.

1.4 Ketersediaan (*Availability*) Jentera Dan Peralatan

Maklumat keupayaan jentera dan peralatan hendaklah diperolehi dan dinilai oleh Agensi samaada dimiliki sendiri atau di sewa oleh pembekal / kontraktor.

1.5 Keupayaan Kewangan (*Financial Capability*)

- (a) Keupayaan kewangan hendaklah dinilai dari segi modal minima iaitu pembekal/ kontraktor hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya satu persepuluh lima peratus (1.5%) bagi sebut harga dan tiga peratus (3%) bagi tender daripada anggaran kos bekalan/ perkhidmatan/ kerja Agensi. Modal minima dikira daripada maklumat-maklumat kewangan seperti berikut :
- (i) Purata nilai positif penyata baki akhir bulan dalam penyata bulanan bank bagi tiga (3) bulan terkini; atau/ dan
 - (ii) Deposit tetap; atau/ dan
 - (iii) Kemudahan kredit; atau/dan
 - (iv) Lain-lain kemudahan kewangan yang berkaitan (jika ada)
- (b) Walau bagaimanapun, Agensi hendaklah juga menilai sama ada pembekal / kontraktor masih memenuhi syarat modal minima semasa peringkat penilaian tender memandangkan modal minima pada peringkat penyenaian pendek tender terhadap adalah berdasarkan kepada kos anggaran kasar (*Preliminary Cost Estimate*) manakala modal minima di peringkat tender adalah berdasarkan anggaran kos tender yang lebih terperinci.
- (c) Bagi bekalan / perkhidmatan / kerja yang bernilai RM2 Juta ke atas, Agensi juga adalah dikehendaki untuk mendapatkan *Audited Financial Statement* (bagi syarikat Sendirian Berhad / Berhad) bagi menilai keseluruhan keupayaan (*financial health*) kontraktor / pembekal tersebut.

LAMPIRAN A1

- (d) Bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM2 juta, *Financial Bid Capacity* hendaklah juga dinilai oleh Agensi sebelum kontraktor diperakukan untuk tujuan tender terhad. Ini adalah bertujuan untuk membandingkan jumlah baki kerja dalam tangan (*balance of workload in hand*) kontraktor dengan kedudukan modal / aset cairnya.

Penilaian *Financial Bid Capacity* adalah untuk menentukan sama ada kontraktor tersebut mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh untuk melaksanakan projek baru / akan diawad setelah mengambil kira komitmen kewangan kontraktor ke atas projek-projek dalam tangan. Hanya kontraktor yang mempunyai keupayaan kewangan setelah penilaian *Financial Bid Capacity* dibuat sahaja yang boleh dicadangkan oleh Agensi untuk disenarai pendek menyertai tender terhad.

Bagi maksud ini, walaupun pembekal / kontraktor memenuhi syarat modal minima yang tersebut di atas tetapi gagal di dalam penilaian *Financial Bid Capacity*, maka pembekal / kontraktor adalah tidak layak untuk disenarai pendek menyertai tender terhad.

1.6 Prestasi Pembekal / Kontraktor Tender Terhad

Rekod prestasi pembekal / kontraktor dalam melaksanakan kontrak yang lepas hendaklah juga diambil kira. Rekod prestasi yang tidak memuaskan atau pernah ditamatkan atas sebab kegagalan pembekal / kontraktor melaksanakan tanggungjawab di bawah kontrak adalah tidak dibenarkan untuk disenaraikan dan diperakukan dalam tender terhad. Rekod prestasi pembekal / kontraktor boleh diperolehi di dalam "*Contractors Registration Rating Information System (CoRRIS)*", Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri atau "*Centralized Information Management System (CIMS)*", Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

1.7 Lain-lain Kriteria Khusus Yang Berkaitan (jika ada)

Agensi juga boleh menetapkan lain-lain kriteria khusus yang berkaitan bagi tujuan penilaian.

LAMPIRAN A2

FORMAT KERTAS CADANGAN SEBUT HARGA/ TENDER TERHAD (*RESTRICTED* / *SELECTIVE QUOTATION* / *TENDER*) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM5 JUTA

KERTAS CADANGAN TENDER TERHAD (<i>RESTRICTED</i> / <i>SELECTIVE TENDER</i>) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM5 JUTA							
1. KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI							
2. LATARBELAKANG BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA							
3. TAJUK DAN SKOP BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA							
3.1 Tajuk							
3.2 Skop bekalan/perkhidmatan/kerja adalah seperti berikut: (a) (b)							
4. JUSTIFIKASI PERMOHONAN							
Kementerian/Jabatan/Agensi tidak dapat mempelawa sebut harga / tender terbuka atas sebab-sebab berikut:- (a) (b)							
5. RINGKASAN MAKLUMAT SYARIKAT / FIRMA YANG DICADANGKAN							
<p>Nota: Mengemukakan sekurang-kurangnya lima (5) hingga sepuluh (10) pembekal / kontraktor yang kompeten. Nama-nama syarikat / firma yang dicadangkan seperti berikut:-</p> <p>5.1 Modal Minima ditetapkan : RM.....</p> <p>5.2 Nilai projek serupa ditetapkan : RM.....</p>							
Bil.	Nama	Pendaftaran UPKJ	Status Bumiputera	Nilai bekalan/ perkhidmatan / kerja yang serupa tiga (3) tahun lepas (RM)	Nilai kontrak dalam tangan (RM)	Maklumat Keupayaan Kewangan (RM)	Rekod Prestasi
		<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak Kelas/ Kategori: Kepala Sub Kepala:	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak				
6. MAKLUMAT KEWANGAN							
6.1	Nilai Skim Diluluskan: RM..... Peruntukan RMK (.....) yang diluluskan: RM.....						
6.2	Jika bukan di bawah RMK* tandakan (✓): (i) Kelulusan SDEC Ya () Tidak () (ii) kelulusan MMKN Ya () Tidak () (iii) Lain-lain, nyatakan :						
6.3	Peruntukan Tahunan Semasa Yang Diluluskan: RM.....						
6.4	Sumber Peruntukan:- (i) Negeri Ya () Tidak () (ii) Dalam (Internal Fund) (iii) Lain-lain, nyatakan :						
6.5	Kod Perbelanjaan: (Contoh: Expenditure Head No. / Subhead No. / Program / Activity)						
6.6	Anggaran Kos Bekalan / Perkhidmatan / Kerja : RM.....						

KERTAS CADANGAN TENDER TERHAD (<i>RESTRICTED / SELECTIVE TENDER</i>) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM5 JUTA													
7.	PENILAIAN DAN PERAKUAN												
	<p>Senarai nama pembekal/ kontraktor yang diperakukan adalah seperti berikut:</p> <p>1 Nama Pembekal/ Kontraktor : (.....)</p> <p>(a) Pendaftaran: (nyatakan maklumat pendaftaran)</p> <p>(b) Keupayaan Teknikal: (nyatakan pengalaman kerja yang serupa, senarai kerja dalam tangan, staf teknikal & maklumat jentera/mesin, rekod prestasi)</p> <p>(c) Keupayaan Kewangan: (modal perniagaan (<i>paid up capital</i>) & lain-lain berkaitan)</p> <p>(d) Lain-lain: (nyatakan)</p> <p>2 Nama Pembekal/ Kontraktor : (.....)</p> <p>(a) Pendaftaran: (nyatakan maklumat pendaftaran)</p> <p>(b) Keupayaan Teknikal: (nyatakan pengalaman kerja yang serupa, senarai kerja dalam tangan, staf teknikal & maklumat jentera/mesin, rekod prestasi)</p> <p>(c) Keupayaan Kewangan: (modal perniagaan (<i>paid up capital</i>) & lain-lain berkaitan)</p> <p>(d) Lain-lain: (nyatakan)</p> <p>3 Nama Pembekal/ Kontraktor : (.....)</p> <p>(a) Pendaftaran: (nyatakan maklumat pendaftaran)</p> <p>(b) Keupayaan Teknikal: (nyatakan pengalaman kerja yang serupa, senarai kerja dalam tangan, staf teknikal & maklumat jentera/mesin, rekod prestasi)</p> <p>(c) Keupayaan Kewangan: (modal perniagaan (<i>paid up capital</i>) & lain-lain berkaitan)</p> <p>(d) Lain-lain: (nyatakan)</p> <p>4 Nama Pembekal/ Kontraktor : (.....)</p> <p>(a) Pendaftaran: (nyatakan maklumat pendaftaran)</p> <p>(b) Keupayaan Teknikal: (nyatakan pengalaman kerja yang serupa, senarai kerja dalam tangan, staf teknikal & maklumat jentera/mesin, rekod prestasi)</p> <p>(c) Keupayaan Kewangan: (modal perniagaan (<i>paid up capital</i>) & lain-lain berkaitan)</p> <p>(d) Lain-lain: (nyatakan)</p> <p>5 Nama Pembekal/ Kontraktor : (.....)</p> <p>(a) Pendaftaran: (nyatakan maklumat pendaftaran)</p> <p>(b) Keupayaan Teknikal: (nyatakan pengalaman kerja yang serupa, senarai kerja dalam tangan, staf teknikal & maklumat jentera/mesin, rekod prestasi)</p> <p>(c) Keupayaan Kewangan: (modal perniagaan (<i>paid up capital</i>) & lain-lain berkaitan)</p> <p>(d) Lain-lain: (nyatakan)</p> <p>Nota:</p> <p>(i) Sekurang-kurangnya lima (5) – sepuluh (10) pembekal / kontraktor yang kompeten hendaklah dicadangkan.</p> <p>(ii) Penilaian hendaklah dibuat berdasarkan kriteria seperti di Lampiran A1.</p> <p>(iii) Sila buat senarai tambahan sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.</p>												
8.	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN												
	<p>Dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan bersama bagi setiap pembekal / kontraktor yang dicadangkan:-</p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">(i)</td> <td>Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah (Perseorangan / Perkongsian);</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">(ii)</td> <td>Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM (Sdn Bhd / Bhd);</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">(iii)</td> <td>Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah;</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">(iv)</td> <td>Ekstrak Nama Perniagaan (bagi Perseorangan / Perkongsian)(jika berkenaan);</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">(v)</td> <td>Salinan lesen/sijil pendaftaran CIDB dan UPKJ; dan</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">(vi)</td> <td>Lain-lain dokumen yang berkaitan.</td> </tr> </tbody> </table>	(i)	Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah (Perseorangan / Perkongsian);	(ii)	Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM (Sdn Bhd / Bhd);	(iii)	Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah;	(iv)	Ekstrak Nama Perniagaan (bagi Perseorangan / Perkongsian)(jika berkenaan);	(v)	Salinan lesen/sijil pendaftaran CIDB dan UPKJ; dan	(vi)	Lain-lain dokumen yang berkaitan.
(i)	Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah (Perseorangan / Perkongsian);												
(ii)	Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM (Sdn Bhd / Bhd);												
(iii)	Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah;												
(iv)	Ekstrak Nama Perniagaan (bagi Perseorangan / Perkongsian)(jika berkenaan);												
(v)	Salinan lesen/sijil pendaftaran CIDB dan UPKJ; dan												
(vi)	Lain-lain dokumen yang berkaitan.												

LAMPIRAN A2

9.	PERAKUAN KETUA AGENSI
	<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat tersebut di atas adalah betul dan benar.</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">Tandatangan Pegawai Ketua Agensi</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Agensi :</p>

LAMPIRAN A2

MAKLUMAT TERPERINCI PEMBEKAL / KONTRAKTOR YANG DICADANGKAN UNTUK CADANGAN SEBUT HARGA/ TENDER TERHAD (<i>RESTRICTED</i> / <i>SELECTIVE QUOTATION</i> / <i>TENDER</i>) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM5 JUTA										
1. MAKLUMAT AM PEMBEKAL / KONTRAKTOR										
(i) Sila isi maklumat-maklumat Pembekal / Kontraktor dengan lengkap pada ruangan yang disediakan (Catatan " <i>SILA RUJUK LAMPIRAN</i> " pada ruangan tersebut adalah tidak dibenarkan); dan										
(ii) Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM, Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) dengan LHDN / Pejabat Daerah, Ekstrak Nama Perniagaan dan Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) bagi Firma)										
1.1 Nama Pembekal / Kontraktor	Pembekal / Kontraktor 1		Pembekal / Kontraktor 2		Pembekal / Kontraktor 3		Pembekal / Kontraktor 4		Pembekal / Kontraktor 5	
1.2 No. Pendaftaran Syarikat (SSM) / Firma (LHDN) / Pejabat Daerah										
1.3 Jenis Perniagaan (berdasarkan kepada Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>))										
1.4 Nama Pemegang Saham & Ekuiti	Nama	Ekuiti (RM/ %)	Nama	Ekuiti (RM/ %)	Nama	Ekuiti (RM/ %)	Nama	Ekuiti (RM/ %)	Nama	Ekuiti (RM/ %)
	1.		1.		1.		1.		1.	
	2.		2.		2.		2.		2.	
1.5 Nama Pengarah Syarikat (bagi Sdn Bhd / Bhd)	1.		1.		1.		1.		1.	
	2.		2.		2.		2.		2.	
2. BUTIRAN PENDAFTARAN PEMBEKAL / KONTRAKTOR (Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran yang berkaitan):										
2.1 Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)										
(i) Kelas/Kategori										
(ii) Kepala/Sub-Kepala										
(iii) Tarikh Tamat Tempoh Pendaftaran										
(iv) Status Bumiputera	Ya () Tidak ()		Ya () Tidak ()		Ya () Tidak ()		Ya () Tidak ()		Ya () Tidak ()	
(v) Tarikh Tamat Tempoh Status Bumiputera										
2.2 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)										
(i) Gred										
(ii) Kategori										
(iii) Pengkhususan										
(iv) Tarikh mula berkuatkuasa										
(v) Tarikh Tamat Tempoh Pendaftaran										

NOTA:

1. Agensi hendaklah mengisi kesemua maklumat-maklumat Pembekal / Kontraktor yang dicadangkan.
2. Sekiranya ruangan tidak mencukupi, Agensi boleh menggunakan mukasurat tambahan dengan menggunakan format yang sama seperti di atas.

MAKLUMAT TERPERINCI PEMBEKAL / KONTRAKTOR YANG DICADANGKAN UNTUK CADANGAN SEBUT HARGA/ TENDER TERHAD (*RESTRICTED / SELECTIVE QUOTATION/ TENDER*) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM5 JUTA

3. Maklumat Kewangan Pembekal / Kontraktor

A. Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (*Balance Sheet*) yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir (untuk Sdn Bhd / Bhd sahaja).

Peringatan Penting

Sertakan salinan Akaun Syarikat Sdn Bhd / Bhd yang telah diaudit dan disahkan oleh Juru Audit / Akauntan bertauliah bagi tahun kewangan terakhir atau sekiranya tiada, bagi tahun kewangan setahun sebelumnya. **Salinan Akaun Syarikat yang tidak disahkan oleh Juru Audit / Akauntan bertauliah tidak akan diambilkira.**

Asset (A)		Liabiliti (B)		Nilai Kewangan (<i>Worth</i>) (A-B)	
Semasa	: RM.....	Semasa	: RM.....	Modal Pusingan	: RM.....
Tetap	: RM.....	Tetap	: RM.....	Modal Tetap	: RM.....
Jumlah	: RM.....	Jumlah	: RM.....	' <i>Nett Worth</i> '	: RM.....

B. Penyata Bulanan Akaun Bank (*Bank Statement*)

Peringatan Penting

Sertakan salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi **tiga (3) bulan** terkini yang disahkan oleh Pihak Bank.

Bank	Nama dan Alamat Bank (Di mana Akaun dibuka)	Nombor Akaun	Purata Baki (<i>Positive Balance</i>) (RM)
Bank 1			
Bank 2			

C. Kemudahan Kredit (*Credit Facilities*), jika ada

Peringatan Penting

Sertakan Laporan daripada pihak Bank mengikut format seperti di **Lampiran A2 (i)** (jika berkenaan).

Bank	Nama dan Alamat Bank (yang memberi Kemudahan Kredit)	Bentuk Kemudahan Kredit	Amaun (RM) <i>Terms of Credit Facilities</i>
Bank 1			
Bank 2			

D. Deposit Tetap (*Fixed Deposit*) (jika berkenaan)

Peringatan Penting

Sertakan Laporan daripada pihak Bank mengikut format seperti di **Lampiran A2 (i)** (jika berkenaan).

Bank	Nama dan Alamat Bank	Nombor Akaun	Amaun (RM) <i>Terms of Credit Facilities</i>
Bank 1			
Bank 2			

LAMPIRAN A2

MAKLUMAT TERPERINCI PEMBEKAL / KONTRAKTOR YANG DICADANGKAN UNTUK CADANGAN SEBUT HARGA/ TENDER TERHAD (<i>RESTRICTED / SELECTIVE QUOTATION/ TENDER</i>) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM5 JUTA					
4. Rekod Pengalaman Pembekal / Kontraktor					
4.1 Projek yang telah disiapkan untuk tiga (3) tahun yang lepas					
No.	Nama Projek / Perkhidmatan / Bekalan	Klien (<i>Client</i>)	Nilai Kontrak (RM)	Tahun Siap	Prestasi
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					
4.2 Projek dalam pelaksanaan					
No.	Nama Projek / Perkhidmatan / Bekalan	Klien (<i>Client</i>)	Nilai Kontrak (RM)	Tahun Siap	
1.					
2.					
3.					
4.					
5.					

NOTA:

1. Agensi hendaklah mengisi kesemua maklumat-maklumat Pembekal / Kontraktor yang dicadangkan.
2. Sekiranya ruangan tidak mencukupi, Agensi boleh menggunakan mukasurat tambahan dengan menggunakan format yang sama seperti di atas.

LAMPIRAN A2 (i)

**BANKER'S REPORT ON FINANCIAL FACILITIES OF TENDERER
(To be filled by Bank)**

(This form is to be filled and completed by the Bank or other Financial Institution in a sealed envelope)

To: Agency
Address of Agency

Name of Supplier / Contractor :

Title of Supply / Services / Works :

(A) Credit Facilities

Current credit facilities accorded and minimum additional credit facilities eligible to application are as follows:-

Form of Credit Facilities	Amount Approved	Additional Credit Lines to be Approved if the project is awarded to the Applicant	Total	Balance of Credit Lines
(i) Overdraft	RM	RM	RM	RM
(ii) Total of Guarantee	RM	RM	RM	RM
Total:	RM	RM	RM	RM

(B) Fixed Deposit (if any)

Ref. No.	Deposit Amount (RM)	Period	Date of Maturity	Secured?
				Yes / No
				Yes / No

(C) Comments on Applicant's Account and Financial Standing

.....
.....

Signed for and on behalf of Bank / Financial Institution:

Bank :


Stamp :

Name of Officer :


Designation :

Date :

Carta Alir Permohonan Sebut Harga / Tender Terhad untuk Perolehan Bernilai sehingga RM5 Juta



Carta Alir Permohonan Tender Terhadap Untuk Perolehan Bernilai Melebihi RM5 Juta



TATACARA PEROLEHAN BAGI TENDER PRA-KELAYAKAN (PRE-QUALIFICATION TENDER)

3.0 Tender Pra-Kelayakan yang bernilai sehingga RM10 Juta

- 3.1 Tender secara pra-kelayakan boleh dilaksanakan bergantung kepada nilai dan kompleksiti sesuatu bekalan / perkhidmatan / kerja.
- 3.2 Agensi yang hendak membuat bekalan / perkhidmatan / kerja secara pra-kelayakan hendaklah mengemukakan permohonan kepada **Setiausaha Kewangan Negeri** untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 3.3 Permohonan hendaklah disokong dengan **justifikasi, syarat-syarat penyertaan** dan **kriteria-kriteria** yang akan digunakan untuk penilaian pra-kelayakan. Bagi projek pembangunan, Agensi boleh merujuk dan mendapat nasihat daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak mengenai penyediaan kriteria-kriteria untuk Tender Pra-Kelayakan.

Sebagai panduan, di antara kriteria yang boleh digunakan bagi tujuan pra-kelayakan adalah seperti berikut:-

- (a) Pengalaman serupa yang berkaitan (siap / sedang dilaksanakan) dalam tempoh tiga (3) tahun lepas;
- (b) Keupayaan kewangan;
- (c) Keperluan usaha sama syarikat (*Joint-Venture requirement*);
- (d) Penglibatan Kontraktor Bumiputera;
- (e) Rekod prestasi; dan
- (f) Lain-lain kriteria yang berkaitan.

Contoh Format Borang Permohonan Tender Pra - Kelayakan (Pre-Qualification Tender) untuk Perolehan Bernilai Sehingga RM10 Juta adalah seperti di Lampiran B1.

LAMPIRAN B

- 3.4 Setelah kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri diperolehi, Agensi hendaklah menyediakan dokumen pra-kelayakan dan membuat pengiklanan pra-kelayakan sekurang-sekurangnya dalam **satu (1) akhbar tempatan harian utama** dan di dalam ***e-Tender Notices*** di laman sesawang Kerajaan Negeri di alamat www.sarawak.gov.my (Bagi Kementerian / Jabatan) dan tempoh pengiklanan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari berturut-turut dari tarikh pengiklanan.
- 3.5 **Dokumen Pra-kelayakan** hendaklah dikenakan **yuran minimum RM50.00 / Salinan**. Bayaran bagi yuran dokumen pra-kelayakan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** daripada bank yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau **Kiriman Wang Pos** (*Money Order*) atau **Wang Kiriman Pos Berpalang** (*Postal Order*) dalam Ringgit Malaysia atau **Sarawak Pay** atau dalam bentuk lain yang dibenarkan dalam peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dan hendaklah dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak (Bagi Kementerian / Jabatan)** atau atas nama **Badan Berkanun (Bagi Badan Berkanun)**.
- 3.6 Agensi hendaklah **menubuhkan Jawatankuasa Pra-Kelayakan** untuk membuat penilaian serta perakuan ke atas keupayaan teknikal dan kewangan pembekal / kontraktor yang menyertai pra-kelayakan berkenaan.
- 3.7 **Keahlian Jawatankuasa Pra-Kelayakan** tersebut adalah seperti berikut:-
- Pengerusi** : **Ketua Agensi / Wakil** yang dilantik secara bertulis oleh **Ketua Agensi** yang terdiri daripada **pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional**.
- Ahli** : Sekurang-kurangnya **Dua (2) orang ahli** yang terdiri daripada **pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional** yang dilantik secara bertulis oleh **Ketua Agensi**.
- Kuorum** : **Tiga (3) orang termasuk Pengerusi**

LAMPIRAN B

Nota :

Sekiranya Ketua Agensi menjadi Pengerusi, maka Surat Pelantikan secara bertulis tidak diperlukan dan secara automatik Ketua Agensi adalah diberi kuasa menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pra-Kelayakan.

- 3.8 Setelah laporan penilaian serta perakuan keupayaan teknikal dan kewangan tersebut dibuat, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 3.9 Setelah kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri diperolehi, Surat Jemputan hendaklah dikeluarkan kepada pembekal / kontraktor yang diluluskan.
- 3.10 Walau bagaimanapun, bagi pembekal / kontraktor tempatan yang diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri tetapi tidak berdaftar dengan UPKJ, maka **deposit tender** dalam bentuk Draf Bank / Jaminan Bank hendaklah dikenakan sebanyak **dua setengah peratus (2.5%) daripada harga tawaran Pembekal / Kontraktor tersebut** atau **maksimum RM10,000.00** yang dikemukakan bersekali dengan tawaran tender.
- 3.11 Setelah Surat Jemputan dikeluarkan, proses penjualan dokumen tender sehingga penilaian serta pertimbangan tender dan seterusnya pentadbiran kontrak hendaklah mengikut **Tatacara Perolehan Tender yang sedang berkuatkuasa**.
- 3.12 Carta Alir Tatacara Perolehan Perolehan Bagi Tender Pra-Kelayakan (*Pre-Qualification Tender* yang bernilai sehingga RM10 Juta adalah seperti di **Lampiran B2**.

4.0 Tender Pra-Kelayakan yang bernilai melebihi RM10 Juta

- 4.1 Bagi permohonan cadangan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja secara pra-kelayakan yang bernilai melebihi RM10 Juta, Agensi hendaklah mengemukakan cadangan tersebut kepada **MMKN** terlebih dahulu untuk pertimbangan.
- 4.2 Permohonan hendaklah disokong dengan **justifikasi, syarat-syarat penyertaan** dan **kriteria-kriteria** yang akan digunakan untuk penilaian pra-kelayakan. Bagi projek pembangunan, Agensi boleh merujuk dan mendapat nasihat daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak mengenai penyediaan kriteria-kriteria untuk Tender Pra-Kelayakan.

Sebagai panduan, di antara kriteria yang boleh digunakan bagi tujuan pra-kelayakan adalah seperti berikut :-

- (a) Pengalaman serupa yang berkaitan (siap / sedang dilaksanakan) dalam tempoh tiga (3) tahun lepas;
 - (b) Keupayaan kewangan;
 - (c) Keperluan usaha sama syarikat (*Joint-Venture requirement*);
 - (d) Penglibatan Kontraktor Bumiputera;
 - (e) Rekod prestasi; dan
 - (f) Lain-lain kriteria yang berkaitan.
- 4.3 Setelah mendapat kelulusan daripada MMKN, Agensi hendaklah mengemukakan serta **menyatakan keputusan MMKN** di dalam Borang Permohonan Tender Pra - Kelayakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 168.

Contoh Format Borang Permohonan Tender Pra - Kelayakan (Pre-Qualification Tender) untuk Perolehan Bernilai Melebihi RM10 Juta adalah seperti di Lampiran B3.

LAMPIRAN B

- 4.4 Setelah kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri diperolehi, Agensi hendaklah menyediakan dokumen pra-kelayakan dan membuat pengiklanan pra-kelayakan sekurang-sekurangnya dalam **satu (1) akhbar tempatan harian utama** dan di dalam ***e-Tender Notices*** di laman sesawang Kerajaan Negeri di alamat **www.sarawak.gov.my** (Bagi Kementerian / Jabatan) dan tempoh pengiklanan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari berturut-turut dari tarikh pengiklanan.
- 4.5 **Dokumen Pra-kelayakan** hendaklah dikenakan **yuran minimum RM50.00 / Salinan**. Bayaran bagi yuran dokumen pra-kelayakan hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** daripada bank yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau **Kiriman Wang Pos** (*Money Order*) atau **Wang Kiriman Pos Berpalang** (*Postal Order*) dalam Ringgit Malaysia atau **Sarawak Pay** atau dalam bentuk lain yang dibenarkan dalam peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dan hendaklah dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak (Bagi Kementerian / Jabatan)** atau atas nama **Badan Berkanun (Bagi Badan Berkanun)**.
- 4.6 Agensi hendaklah **menubuhkan Jawatankuasa Pra-Kelayakan** untuk membuat penilaian serta perakuan ke atas keupayaan teknikal dan kewangan pembekal / kontraktor yang menyertai pra-kelayakan berkenaan.
- 4.7 **Keahlian Jawatankuasa Pra-Kelayakan** tersebut adalah seperti berikut:-
- Pengerusi** : **Ketua Agensi / Wakil** yang dilantik secara bertulis oleh **Ketua Agensi** yang terdiri daripada **pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional**.
- Ahli** : Sekurang-kurangnya **Dua (2) orang ahli** yang terdiri daripada **pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional** yang dilantik secara bertulis oleh **Ketua Agensi**.
- Kuorum** : **Tiga (3) orang termasuk Pengerusi**

LAMPIRAN B

Nota :

Sekiranya Ketua Agensi menjadi Pengerusi, maka Surat Pelantikan secara bertulis tidak diperlukan dan secara automatik Ketua Agensi adalah diberi kuasa menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pra-Kelayakan.


- 4.8 Setelah laporan penilaian serta perakuan keupayaan teknikal dan kewangan tersebut dibuat, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.
- 4.9 Setelah kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri diperolehi, Surat Jemputan hendaklah dikeluarkan kepada Pembekal / Kontraktor yang diluluskan.
- 4.10 Walau bagaimanapun, bagi pembekal / kontraktor tempatan yang diluluskan oleh Setiausaha Kewangan Negeri tetapi tidak berdaftar dengan UPKJ, maka **deposit tender** dalam bentuk Draf Bank / Jaminan Bank hendaklah dikenakan sebanyak **dua setengah peratus (2.5%) daripada harga tawaran Pembekal / Kontraktor tersebut** atau **maksimum RM10,000.00** yang dikemukakan bersekali dengan tawaran tender.
- 4.11 Setelah Surat Jemputan dikeluarkan, proses penjualan dokumen tender sehingga penilaian serta pertimbangan tender dan seterusnya pentadbiran kontrak hendaklah mengikut **Tatacara Perolehan Tender yang sedang berkuatkuasa**.
- 4.12 Carta Alir Tatacara Perolehan Perolehan Bagi Tender Pra-Kelayakan (*Pre-Qualification Tender* yang bernilai melebihi RM10 Juta adalah seperti di **Lampiran B4**.

LAMPIRAN B1

FORMAT BORANG PERMOHONAN TENDER PRA-KELAYAKAN (*PRE-QUALIFICATION TENDER*) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM10 JUTA

BORANG PERMOHONAN TENDER PRA-KELAYAKAN (<i>PRE-QUALIFICATION TENDER</i>) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI SEHINGGA RM10 JUTA	
1. KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
2. LATARBELAKANG BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA	
3. TAJUK DAN SKOP BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA	
3.1 Tajuk	
3.2 Skop bekalan/perkhidmatan/kerja adalah seperti berikut: (a) (b)	
4. JUSTIFIKASI PERMOHONAN	
Kementerian/Jabatan/Agensi tidak dapat memelawa tender terbuka atas sebab-sebab berikut:- (a) (b)	
5. SYARAT-SYARAT / KRITERIA PRA-KELAYAKAN	
<p>Nota: Agensi hendaklah menentukan kriteria pra-kelayakan yang bersesuaian. Sebagai contoh, antara kriteria yang boleh digunakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Keupayaan Kewangan yang diperlukan; ii. Pengalaman yang serupa berkaitan dalam tempoh tiga (3) tahun lepas; iii. Keperluan usaha sama syarikat (<i>Joint-Venture requirement</i>); iv. Penglibatan Kontraktor Bumiputera; v. Lain-lain kriteria yang berkaitan. 	
6. MAKLUMAT KEWANGAN	
6.1	Nilai Skim Diluluskan: RM..... Peruntukan RMK (.....) yang diluluskan: RM.....
6.2	Jika bukan di bawah RMK* tandakan (✓): (i) Kelulusan SDEC Ya () Tidak () (ii) kelulusan MMKN Ya () Tidak () (iii) Lain-lain, nyatakan :
6.3	Peruntukan Tahunan Semasa Yang Diluluskan: RM.....
6.4	Sumber Peruntukan:- (i) Negeri Ya () Tidak () (ii) Dalam (Internal Fund) (iii) Lain-lain, nyatakan :
6.5	Kod Perbelanjaan: (<i>Contoh: Expenditure Head No. / Subhead No. / Program / Activity</i>)
6.6	Anggaran Kos Bekalan / Perkhidmatan / Kerja : RM.....
7. PERAKUAN KETUA AGENSI	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat tersebut di atas adalah betul dan benar. <div style="text-align: center;"> Tandatangan Ketua Agensi </div> Nama: Jawatan: Tarikh: Cop Agensi :	

Carta Alir Perolehan Tender Pra Kelayakan (*Pre Qualification Tender*) untuk Perolehan bernilai sehingga RM10 Juta




LAMPIRAN B3

FORMAT BORANG PERMOHONAN TENDER PRA-KELAYAKAN (PRE-QUALIFICATION TENDER)

BORANG PERMOHONAN TENDER PRA-KELAYAKAN (PRE-QUALIFICATION TENDER) UNTUK PEROLEHAN BERNILAI MELEBIHI RM10 JUTA	
1. KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
2. LATARBELAKANG BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA	
3. TAJUK DAN SKOP BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA	
3.1 Tajuk	
3.2 Skop bekalan/perkhidmatan/kerja adalah seperti berikut:	
4. JUSTIFIKASI PERMOHONAN	
Kementerian/Jabatan/Agensi tidak dapat mempelawa tender terbuka atas sebab-sebab berikut:- (a) (b)	
5. KELULUSAN MMKN	
Tarikh Mesyuarat MMKN : Keputusan Mesyuarat MMKN:	
6. SYARAT-SYARAT KRITERIA PRA-KELAYAKAN YANG DILULUSKAN MMKN	
Nota: Agensi hendaklah menyatakan kriteria pra-kelayakan yang telah diluluskan oleh MMKN. Sebagai contoh, antara kriteria Pra-Kelayakan adalah seperti berikut: i. Keupayaan Kewangan yang diperlukan; ii. Pengalaman yang serupa berkaitan tiga (3) tahun lepas; iii. Keperluan usaha sama syarikat (<i>Joint-Venture requirement</i>); iv. Penglibatan kriteria Bumiputera; v. Lain-lain kriteria yang berkaitan.	
7. MAKLUMAT KEWANGAN	
7.1	Nilai Skim Diluluskan: RM..... Peruntukan RMK (.....) yang diluluskan: RM.....
7.2	Jika bukan di bawah RMK* tandakan (✓): (i) Kelulusan SDEC Ya () Tidak () (ii) kelulusan MMKN Ya () Tidak () (iii) Lain-lain, nyatakan :
7.3	Peruntukan Tahunan Semasa Yang Diluluskan: RM.....
7.4	Sumber Peruntukan:- (i) Negeri Ya () Tidak () (ii) Dalam (Internal Fund) (iii) Lain-lain, nyatakan :
7.5	Kod Perbelanjaan: (Contoh: Expenditure Head No. / Subhead No. / Program / Activity)
7.6	Anggaran Kos Bekalan / Perkhidmatan / Kerja : RM.....
8. PERAKUAN KETUA AGENSI	
Dengan ini saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat tersebut di atas adalah betul dan benar.	
<p>.....</p> <p>Tandatangan Ketua Agensi</p>	
<p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Agensi :</p>	

Carta Alir Perolehan Pra Kelayakan (*Pre Qualification*) untuk Perolehan bernilai melebihi RM10 Juta



TATACARA PEROLEHAN BAGI AWAD TERUS / RUNDINGAN TERUS (*DIRECT AWARD / DIRECT NEGOTIATION*)

5.0 Awad Terus / Rundingan Terus yang bernilai sehingga RM5 Juta

5.1 Sebarang permohonan perolehan awad terus/ rundingan terus hendaklah **mendapat kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Setiausaha Kewangan Negeri**. Perolehan awad terus/ rundingan terus boleh dipertimbangkan atas sebab-sebab berikut, antaranya :

(a) **Kesegeraan Atas Kepentingan Awam**

Perolehan yang perlu disegerakan supaya tidak menjejaskan kepentingan awam, penyampaian Kerajaan dan sekiranya perolehan tersebut tidak dibuat dengan segera akan memberi impak negatif kepada perkhidmatan awam;

(b) **Bagi Maksud Penyeragaman (*Compability*)**

Bagi memastikan kesesuaian penggunaan antara barangan yang sedia ada dengan barangan baru yang akan dibeli, maka permohonan untuk membeli barangan yang sama dan daripada pembekal yang sama secara rundingan terus boleh dipertimbangkan;

(c) **Satu Punca Bekalan/ Perkhidmatan (*Sole Providen*)**

Pembelian khusus yang mana hanya satu syarikat sahaja yang dapat membekalkan barangan atau perkhidmatan yang dikehendaki seperti membeli alat ganti atau lain-lain;

(d) **Melibatkan Keselamatan/ Strategik**

Perolehan yang melibatkan alat keselamatan atau projek tertentu yang strategik yang perlu dirahsiakan demi kepentingan Negara;

(e) **Menggunakan Kontrak Sedia Ada Dari Agensi lain untuk Skop Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja yang sama**

Menggunakan kontrak sedia ada seperti Kontrak Bermasa untuk skop bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang sama daripada Agensi lain; dan

LAMPIRAN C

(f) Lain-lain sebab yang munasabah.

5.2 Maklumat yang diperlukan sebelum Agensi mengemukakan permohonan kepada Setiausaha Kewangan Negeri adalah seperti berikut, antaranya:-

- (a) Latar belakang bekalan/ perkhidmatan/ kerja;
- (b) Skop bekalan/ perkhidmatan/ kerja;
- (c) Anggaran kos;
- (d) Tempoh penyiapan bekalan/ perkhidmatan/ kerja;
- (e) Justifikasi permohonan;
- (f) Maklumat pendaftaran;
- (g) Maklumat kapabiliti pembekal / kontraktor ;
 - (i) Senarai jentera dan peralatan
 - (ii) Bekalan / perkhidmatan / kerja yang sedang dilaksanakan
 - (iii) Bekalan / perkhidmatan / kerja yang telah disiapkan
- (h) Maklumat keupayaan kewangan;
 - (i) Rekod prestasi kontraktor; dan
 - (j) Perakuan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan.

5.3 Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Niat (***Letter of Intent***) "**Tanpa Prejudis**" (***Without prejudice basis***) berserta skop / Terma Rujukan / Pernyataan Kehendak (***Needs Statement***) bekalan / perkhidmatan / kerja kepada Pembekal / Kontraktor untuk mengemukakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan atau Sebut Harga.

LAMPIRAN C

- 5.4 Selepas Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan diterima daripada Pembekal / Kontraktor, Agensi hendaklah menubuhkan **Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK)** di peringkat Agensi untuk membuat penilaian ke atas Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan / Sebut Harga yang dikemukakan oleh kontraktor/ pembekal berkenaan. Jawatankuasa tersebut juga akan **membuat rundingan harga terlebih dahulu** sebelum permohonan dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan.
- 5.5 **Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan** hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya **tiga (3) orang ahli (termasuk pengerusi)** yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman dan kemahiran mengenai perolehan berkenaan yang dilantik secara bertulis oleh **Ketua Agensi**. Pegawai dari agensi lain yang berkemahiran dan berpengalaman dalam rundingan harga boleh juga dilantik sebagai ahli. Pelantikan pegawai daripada agensi yang lain sebagai ahli jawatankuasa hendaklah secara bertulis oleh ketua Agensi tersebut. Bagi maksud ini, pelantikan pegawai daripada agensi lain sebagai ahli hendaklah dipersetujui dan melalui Ketua Agensi masing-masing. Terma Rujukan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan adalah seperti pada **Lampiran C1**.
- 5.6 Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan boleh dibuat secara tetap atau *ad-hoc* mengikut keperluan dan kapasiti Agensi masing-masing.
- 5.7 Agensi juga boleh menubuhkan dua (2) Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan secara berasingan untuk menilai Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan terutamanya bagi skop bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang kompleks sebagai contoh, projek berdasarkan rundingan terus secara *Design and Build / Turnkey* atau seumpamanya.

LAMPIRAN C

- 5.8 Bagi memastikan cadangan kewangan / harga yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money*, perkara-perkara berikut hendaklah dibuat oleh Agensi :
- (a) Bagi perolehan bekalan / perkhidmatan, kajian pasaran hendaklah dibuat sebelum sesuatu rundingan dijalankan. Kajian pasaran ini boleh dilakukan mengikut kesesuaian seperti dalam bentuk sebutharga (*quotation*) formal atau tidak formal, emel, 'window shopping' carian laman sesawang, *trend* harga pembelian / kontrak untuk perolehan sebelumnya, harga pembelian / kontrak bagi perolehan yang sama yang diuruskan oleh Agensi lain juga boleh diambil kira dan lain-lain kaedah yang difikirkan sesuai oleh Agensi.
 - (b) Bagi perolehan kerja, Agensi hendaklah menyediakan anggaran kos berdasarkan skop kerja dan harga pasaran semasa. Bagi Agensi bukan teknik atau tidak mempunyai pegawai teknikal, Agensi berkenaan hendaklah merujuk dan mendapatkan nasihat daripada Jabatan Teknik, Jabatan Kerja Raya Sarawak dalam penyediaan anggaran kos.
- 5.9 Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan hendaklah memastikan keseluruhan proses Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan serta rundingan harga dapat diselesaikan dalam tempoh **empat belas (14) hari bekerja** daripada tarikh Cadangan Teknikal dan Kewangan diterima oleh Agensi bagi mengelakkan pembekal / kontraktor tidak melengahkan persetujuan harga. Tempoh rundingan hendaklah ditentukan dan dimaklumkan kepada pembekal / kontraktor di awal rundingan.
- 5.10 Minit Mesyuarat hendaklah disediakan untuk setiap mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan dengan mengandungi senarai kehadiran ahli serta menyatakan kos rundingan yang dipersetujui. Minit Mesyuarat tersebut juga hendaklah diperakukan oleh Pengerusi Mesyuarat.
- 5.11 Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada pembekal / kontraktor terhadap kos rundingan yang telah dipersetujui.

LAMPIRAN C

- 5.12 **Ketua Agensi dan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan harga yang diperakukan untuk persetujuan adalah munasabah, berpatutan dan *best value for money* dan menepati Skop / Terma Rujukan / *Needs Statement* bekalan / perkhidmatan / kerja yang ditetapkan.**
- 5.13 Setelah Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan serta rundingan kos dibuat, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan pengecualian prosedur sebut harga/ tender beserta cadangan kos rundingan kepada **Setiausaha Kewangan Negeri** untuk pertimbangan dan kelulusan dengan menggunakan **Borang Permohonan Pengecualian Prosedur Sebut Harga / Tender (*Waiver of Quotation / Tender Procedures*)** seperti di **Lampiran C2**.
- 5.14 Setelah kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri diperolehi, Agensi hendaklah mengeluarkan Surat Setuju Terima dan seterusnya pentadbiran kontrak hendaklah mengikut **Tatacara Perolehan Sebut Harga/ Tender yang sedang berkuatkuasa**.
- 5.15 Bagi perolehan berkaitan dengan inisiatif digital seperti pembangunan sistem, Agensi hendaklah memastikan cadangan perolehan perkhidmatan ini telah dirujuk dan diperakukan oleh ***Digital Government Committee (DGC)*** terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan pengecualian prosedur sebut harga / tender tersebut kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan. Tatacara perolehan juga hendaklah mengikut proses seperti yang ditetapkan di **perenggan 5.3** hingga **perenggan 5.14** di atas.
- 5.16 Carta alir bagi perolehan Awad Terus / Rundingan Terus yang bernilai sehingga RM5 Juta adalah seperti di **Lampiran C3**.

6.0 Awad Terus / Rundingan Terus yang bernilai melebihi RM5 Juta

6.1 Bagi permohonan perolehan bekalan/ perkhidmatan/ kerja secara Awad Terus / Rundingan Terus (*Direct Award / Direct Negotiation*) yang bernilai **melebihi RM5 Juta**, cadangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada **MMKN terlebih dahulu** melalui *State Cost Committee* untuk pertimbangan sebelum dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan permohonan pengecualian prosedur tender selaras dengan AP 168.

6.2 Maklumat yang diperlukan sebelum Agensi mengemukakan permohonan kepada *State Cost Committee* adalah seperti berikut, antaranya :-

- (a) Latar belakang bekalan / perkhidmatan / kerja;
- (b) Skop bekalan / perkhidmatan / kerja;
- (c) Anggaran kos;
- (d) Tempoh penyiapan bekalan / perkhidmatan/ kerja;
- (e) Justifikasi permohonan;
- (f) Maklumat pendaftaran;
- (g) Maklumat kapabiliti firma / syarikat;
 - (i) Senarai jentera dan peralatan
 - (ii) Bekalan / perkhidmatan / kerja yang sedang dilaksanakan
 - (iii) Bekalan / perkhidmatan / kerja yang telah disiapkan
- (h) Maklumat keupayaan kewangan;
- (i) Rekod prestasi kontraktor; dan
- (j) Perakuan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan.

LAMPIRAN C

- 6.3 Sebelum cadangan perolehan secara Awad Terus / Rundingan Terus dikemukakan kepada MMKN untuk pertimbangan, cadangan tersebut hendaklah dikemukakan kepada *State Cost Committee* terlebih dahulu menggunakan format seperti di **Lampiran C5 (Format Kertas Cadangan Berkaitan Perolehan Bekalan / Perkhidmatan / Kerja kepada *State Cost Committee (melebihi RM5 Juta)*** dan hendaklah memastikan kertas cadangan Awad Terus / Rundingan Terus tersebut dikemukakan bersama maklumat yang lengkap berpandukan kepada senarai semak seperti di **Lampiran C4**.
- 6.4 Sekiranya cadangan awad terus / rundingan terus tersebut dipersetujui dan diperakukan oleh *State Cost Committee*, Agensi hendaklah menyatakan keputusan *State Cost Committee* berkenaan di dalam kertas MMKN sebelum dikemukakan kepada MMKN untuk pertimbangan.
- 6.5 Setelah mendapat kelulusan daripada MMKN, Agensi hendaklah mengemukakan permohonan pengecualian prosedur tender kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk pertimbangan dan kelulusan dengan menggunakan borang permohonan pengecualian prosedur sebut harga / tender seperti di **Lampiran C2**.
- 6.6 Selepas kelulusan pengecualian prosedur tender oleh Setiausaha Kewangan Negeri diperolehi, sekiranya MMKN memutuskan Cadangan Kewangan / Cadangan Kos perlu dirujuk semula kepada dan diputuskan oleh *State Cost Committee*, maka **Surat Niat (*Letter of Intent*)** hendaklah dikeluarkan **“Tanpa Prejudis” (*Without prejudice basis*)** kepada kontraktor / pembekal tersebut. Tujuan Surat Niat (*Letter of Intent*) adalah untuk mendapatkan **Cadangan Teknikal** dan **Cadangan Kewangan** daripada kontraktor / pembekal tersebut berdasarkan kepada skop/ Terma Rujukan/ Pernyataan Kehendak (*Needs Statement*) yang ditetapkan oleh Agensi.

LAMPIRAN C

- 6.7 Selepas Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan diterima daripada Pembekal / Kontraktor, Agensi hendaklah menubuhkan **Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan (CTK)** di peringkat Agensi untuk membuat penilaian ke atas Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang dikemukakan oleh pembekal / kontraktor berkenaan. Jawatankuasa tersebut juga akan **membuat rundingan harga terlebih dahulu** sebelum dikemukakan kepada *State Cost Committee*.
- 6.8 **Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan** hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya **tiga (3) orang ahli (termasuk pengerusi)** yang berkelayakan atau mempunyai pengalaman dan kemahiran mengenai perolehan berkenaan yang dilantik secara bertulis oleh **Ketua Agensi**. Pegawai dari agensi lain yang berkemahiran dan berpengalaman dalam rundingan harga boleh juga dilantik sebagai ahli. Pelantikan pegawai daripada agensi yang lain sebagai ahli jawatankuasa hendaklah secara bertulis oleh ketua Agensi tersebut. Bagi maksud ini, pelantikan pegawai daripada agensi lain sebagai ahli hendaklah dipersetujui dan melalui Ketua Agensi masing-masing. Terma Rujukan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan adalah seperti pada **Lampiran C1**.
- 6.9 Penubuhan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan boleh dibuat secara tetap atau *ad-hoc* mengikut keperluan dan kapasiti Agensi masing-masing.
- 6.10 Agensi juga boleh menubuhkan dua (2) Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan secara berasingan untuk menilai Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan terutamanya bagi skop bekalan / perkhidmatan / kerja yang kompleks sebagai contoh, projek berdasarkan rundingan terus secara *Design and Build / Turnkey* atau seumpamanya.
- 6.11 Bagi memastikan cadangan kewangan yang dirundingkan adalah munasabah, berpatutan dan mendapat *best value for money*, perkara-perkara berikut hendaklah dibuat :

LAMPIRAN C

- (a) Bagi perolehan bekalan / perkhidmatan, kajian pasaran hendaklah dibuat sebelum sesuatu rundingan dijalankan. Kajian pasaran ini boleh dilakukan mengikut kesesuaian seperti dalam bentuk sebutharga (*quotation*) formal atau tidak formal, emel, '*window shopping*' carian laman sesawang, *trend* harga pembelian / kontrak untuk perolehan sebelumnya, harga pembelian / kontrak bagi perolehan yang sama yang diuruskan oleh Agensi lain juga boleh diambil kira dan lain-lain kaedah yang difikirkan sesuai oleh Agensi.
 - (b) Bagi perolehan kerja, Agensi hendaklah menyediakan anggaran kos berdasarkan skop kerja dan harga pasaran semasa. Bagi Agensi bukan teknik atau tidak mempunyai pegawai teknikal, Agensi berkenaan hendaklah merujuk dan mendapatkan nasihat daripada Jabatan Teknik, Jabatan Kerja Raya Sarawak berkenaan penyediaan anggaran kos.
- 6.12 Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan hendaklah memastikan keseluruhan proses penilaian cadangan teknikal dan kewangan serta rundingan harga dapat diselesaikan dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** daripada tarikh cadangan teknikal dan kewangan diterima daripada pembekal / kontraktor bagi mengelakkan pembekal / kontraktor tidak melengahkan persetujuan harga. Tempoh rundingan hendaklah ditentukan dan dimaklumkan kepada pembekal / kontraktor di awal rundingan.
- 6.13 Minit Mesyuarat hendaklah disediakan untuk setiap mesyuarat Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan dengan mengandungi senarai kehadiran ahli serta menyatakan kos rundingan yang dipersetujui. Minit Mesyuarat tersebut juga hendaklah diperakukan oleh Pengerusi Mesyuarat.
- 6.14 Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada pembekal / kontraktor ke atas harga rundingan yang telah dipersetujui.

LAMPIRAN C

- 6.15 **Ketua Agensi dan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan harga yang diperakukan untuk persetujuan adalah munasabah, berpatutan dan *best value for money* dan menepati Skop / Terma Rujukan / *Needs Statement* bekalan / perkhidmatan / kerja yang ditetapkan.**
- 6.16 Setelah penilaian cadangan teknikal dan kewangan serta rundingan harga dibuat, Agensi hendaklah mengemukakan **cadangan kos rundingan** kepada *State Cost Committee* untuk pertimbangan dan kelulusan menggunakan format seperti di **Lampiran C7 (Format Kertas Cadangan Harga / Kos Rundingan kepada *State Cost Committee* selepas kelulusan MMKM**. Agensi hendaklah mengemukakan Minit Mesyuarat Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan bersekali dengan **Lampiran C6**.
- 6.17 Setelah mendapat kelulusan *State Cost Committee*, Agensi hendaklah mengeluarkan **Surat Setuju Terima (*Letter of Acceptance*)** kepada kontraktor/ pembekal berdasarkan kepada harga/ kos yang telah diluluskan oleh *State Cost Committee*.
- 6.18 Dalam keadaan tertentu, **sekiranya Cadangan Kos yang diperakukan oleh *State Cost Committee* telah dimuktamadkan oleh MMKN** maka ianya **tidak perlu dirujuk semula** kepada *State Cost Committee*. Walau bagaimanapun, permohonan pengecualian prosedur tender hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk kelulusan selaras dengan AP 168 terlebih dahulu sebelum Surat Setuju Terima dikeluarkan.
- 6.19 Setelah Agensi mengeluarkan Surat Setuju Terima, maka perjanjian formal hendaklah disediakan dan seterusnya pentadbiran kontrak hendaklah mengikut **Tatacara Perolehan Tender yang sedang berkuatkuasa**.
- 6.20 Carta alir bagi perolehan Awad Terus / Rundingan Terus yang bernilai sehingga RM5 Juta adalah seperti di **Lampiran C7**.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA PENILAIAN CADANGAN TEKNIKAL DAN KEWANGAN

1.0 Objektif

- 1.1 Objektif utama penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk menilai dan memperakukan cadangan teknikal dan kewangan yang diterima daripada pembekal / kontraktor serta membuat rundingan harga.
- 1.2 Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan juga adalah bertanggungjawab memastikan harga yang diperakukan adalah munasabah, berpatutan dan *best value for money* dan menepati skop / terma rujukan / *needs statement* yang ditetapkan oleh Agensi.

2.0 Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal Dan Kewangan

- 2.1 Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menilai cadangan teknikal dan kewangan bekalan / perkhidmatan / kerja yang diterima daripada pembekal / kontraktor setelah Surat Niat (*Letter of Intent*) dikeluarkan.
- 2.2 Agensi juga boleh menubuhkan dua (2) Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Kewangan secara berasingan untuk menilai Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan terutamanya bagi skop bekalan / perkhidmatan / kerja yang kompleks sebagai contoh, projek berdasarkan rundingan terus secara *Design and Build/ Turnkey* atau seumpamanya.
- 2.3 Semasa **Penilaian Cadangan Teknikal**, perkara-perkara yang dinilai adalah seperti berikut, antaranya :
 - (a) Status pendaftaran sijil UPKJ, CIDB dan sijil lain berkaitan yang masih sah;
 - (b) Pengalaman dalam bekalan / perkhidmatan / kerja yang berkaitan;
 - (c) Bebanan kerja semasa;
 - (d) Prestasi pembekal / kontraktor berdasarkan rekod Agensi, UPKJ, CIDB dan yang mana berkaitan;
 - (e) Bilangan dan keupayaan staf teknikal (bagi perolehan kerja sahaja);

LAMPIRAN C1

- (f) Sijil pembekal tunggal (*sole provider*) / pembekal yang ditauliahkan (*authorised supplier*) untuk bekalan / perkhidmatan (jika berkaitan);
- (g) Kaedah pelaksanaan kerja (*method of construction*) bagi perolehan kerja (jika berkaitan); dan
- (h) Cadangan tempoh siap pelaksanaan kerja (*works schedule*).
- (i) Lain-lain syarat-syarat khusus yang ditetapkan oleh Agensi

2.4 Manakala, semasa **Penilaian Cadangan Kewangan**, perkara-perkara yang dinilai / diteliti adalah seperti berikut, antaranya:

- (a) Harga tawaran daripada pembekal / kontraktor; dan
- (b) Membuat analisa dan mengkaji harga tawaran yang dikemukakan. (Seperti kadar harga yang tinggi / rendah daripada anggaran kos Agensi dan seumpamanya).

2.5 Hanya pembekal / kontraktor yang mengemukakan cadangan teknikal yang telah diperakukan yang menepati skop / terma rujukan / *needs statement* yang ditetapkan oleh Agensi akan dijemput ke proses rundingan harga. Proses rundingan harga hendaklah dibuat berdasarkan anggaran Agensi.

2.6 Jawantankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan juga adalah bertanggungjawab memastikan harga yang diperakukan adalah munasabah, berpatutan dan *best value for money* dan menepati Skop / Terma Rujukan / *Needs Statement* yang ditetapkan oleh Agensi.

2.7 Keseluruhan proses rundingan harga dengan pembekal / kontraktor hendaklah dimuktamadkan (sama ada kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan rundingan harga atau tidak).

3.0 Pengurusan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan / Rundingan Harga

- 3.1 Notis mesyuarat hendaklah dikeluarkan sebagai makluman pembekal / kontraktor dan ahli-ahli jawatankuasa sebelum mesyuarat dijalankan;
- 3.2 Bagi syarikat Sdn Bhd / Bhd, hanya pengarah-pengarah syarikat / firma / wakil yang dilberi kuasa oleh pengarah-pengarah syarikat / firma melalui *Directors Resolution* dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat rundingan harga. Salinan *Directors Resolution* hendaklah dikemukakan oleh pembekal / kontraktor kepada jawatankuasa sebelum mesyuarat diadakan. Pengerusi jawatankuasa berhak untuk menanggungkan mesyuarat sekiranya pihak pembekal / kontraktor gagal mengemukakan *Directors Resolution* sebelum mesyuarat diadakan.

Bagi syarikat perseorangan / perkongsian, hanya pemilik syarikat / rakan kongsi dibenarkan untuk menghadiri mesyuarat rundingan harga.

- 3.3 Agensi hendaklah menyediakan dan memastikan minit mesyuarat adalah jelas dan lengkap serta ditandatangani oleh ahli jawatankuasa dan pembekal / kontraktor di dalam dua (2) salinan asal. Salinan asal yang pertama akan disimpan oleh agensi sebagai rekod dan salinan asal yang kedua akan disimpan oleh pembekal / kontraktor.
- 3.4 Agensi hendaklah memastikan pembekal / kontraktor mengemukakan persetujuan secara bertulis terhadap harga yang dipersetujui selepas mesyuarat rundingan harga dibuat.

4.0 Etika dan Peraturan Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal Dan Kewangan

- 4.1 Semua ahli jawatankuasa dan pembekal / kontraktor hendaklah menjaga tahap kerahsiaan maklumat semasa mesyuarat rundingan harga selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 4.2 Semua ahli jawatankuasa hendaklah komited di dalam menjalankan tanggungjawab berdasarkan peraturan dan tatacara kewangan sedia ada.

LAMPIRAN C1

- 4.3 Semua ahli jawatankuasa juga hendaklah tidak terikat dengan mana-mana pembekal / kontraktor semasa mesyuarat rundingan harga bagi memastikan elemen ketelusan dan keadilan terjaga. Setiap **ahli jawatankuasa dan pembekal / kontraktor** hendaklah mengisi borang perakuan *Integrity Pact* sebelum dan selepas mesyuarat berlangsung selaras dengan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil.5/2020.
- 4.4 Borang perakuan *Integrity Pact* yang telah diisi dan ditandatangani oleh ahli jawatankuasa dan pembekal / kontraktor hendaklah disimpan sebagai rekod oleh Agensi bagi tujuan audit di masa akan datang.

LAMPIRAN C2

CONTOH FORMAT BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION / TENDER PROCEDURES)

BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION/TENDER PROCEDURES)							
1. KEMENTERIAN / JABATAN/AGENSI							
2. LATARBELAKANG BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA							
3. SKOP DAN MAKLUMAT AM BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA							
<p>3.1 Skop bekalan / perkhidmatan / kerja adalah seperti berikut:</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p> <p>3.2 Tempoh Penyiapan / Bekalan:.....(minggu / bulan / tahun)</p> <p>3.3 Anggaran Kos bekalan/ perkhidmatan/ kerja (RM) :.....</p> <p>3.4 Pernahkah perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja di atas dipanggil secara sebut harga / tender terbuka:</p> <p><input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p>Jika Ya, lengkapkan maklumat berikut:</p> <p>(i) Tarikh Iklan :</p> <p>(ii) Tarikh Tutup Iklan :</p> <p>(iii) Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga / Lembaga Tender:</p> <p><i>** Sila sertakan ekstrak Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga / Lembaga Tender yang berkaitan.</i></p>							
4. JUSTIFIKASI PERMOHONAN							
<p>Kementerian / Jabatan / Agensi tidak dapat memanggil sebut harga / tender terbuka atas sebab-sebab berikut:-</p> <p>(a)</p> <p>(b)</p>							
5. MAKLUMAT NAMA DAN TAWARAN SYARIKAT / FIRMA							
Bil.	Nama	Anggaran Kos Agensi (RM)	Harga Tawaran Asal (RM)	* Harga Tawaran Selepas Rundingan (RM)	Peratus Pengurangan / Tambahan (- / +) selepas Rundingan Harga berbanding Anggaran Kos Agensi	Pendaftaran UPKJ	Rekod Prestasi Tidak Memuaskan (Jika ya, nyatakan maklumat)
						<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	<input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
NOTA:							
<p>i. Maklumat terperinci pembekal / kontraktor yang dicadangkan hendaklah menggunakan Borang seperti pada Lampiran A.</p> <p>ii. Nyatakan maklumat prestasi semasa dan kontrak yang telah dilaksanakan. Maklumat prestasi pembekal/ kontraktor boleh diperolehi melalui sistem <i>Contractors Registration Rating Information System (CoRRIS)</i> dan <i>Centralized Information Management System (CIMS)</i>.</p> <p>iii. * Untuk nilai perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja sehingga RM5 Juta.</p>							

LAMPIRAN C2

BORANG PERMOHONAN PENGECCUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION / TENDER PROCEDURES)	
6.	MAKLUMAT KEWANGAN
6.1	Nilai Skim Diluluskan: RM..... Peruntukan RMK (.....) yang diluluskan: RM.....
6.2	Jika bukan di bawah RMK* tandakan (✓): i. Kelulusan SDEC Ya () Tidak () ii. Kelulusan MMKN Ya () Tidak () iii. Lain-lain, nyatakan :
6.3	Peruntukan Tahunan Semasa Yang Diluluskan: RM.....
6.4	Kod Perbelanjaan: <i>(Contoh: Expenditure Head No. / Subhead No. / Program / Activity)</i>
6.5	Anggaran Kos Bekalan / Perkhidmatan / Kerja: RM.....
7.	SENARAI DOKUMEN SOKONGAN
7.1	Dokumen-dokumen berikut hendaklah dikemukakan bagi pembekal / kontraktor yang dicadangkan:- (i) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah (Perseorangan / Perkongsian); (ii) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang dikeluarkan oleh SSM (Sdn Bhd / Bhd); (iii) Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) yang dikeluarkan oleh LHDN / Pejabat Daerah; (iv) Ekstrak Nama Perniagaan (bagi Perseorangan / Perkongsian)(jika berkenaan); (v) Salinan lesen/sijil pendaftaran CIDB dan UPKJ; dan (vi) Lain-lain dokumen yang berkaitan.
7.2	Salinan ekstrak Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga / Lembaga Tender (untuk perenggan 3.4, jika berkaitan).

LAMPIRAN C2

BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION / TENDER PROCEDURES)	
8.	PERAKUAN JAWATANKUASA PENILAIAN CADANGAN TEKNIKAL DAN KEWANGAN
	<p>Jawatankuasa ini telah menilai dan memperakukan <i>(Nama Syarikat / Firma)</i> yang menawarkan harga sebanyak RM..... untuk melaksanakan perolehan perkhidmatan / bekalan / kerja di atas sebab-sebab berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Harga yang ditawarkan adalah munasabah, berpatutan dan <i>best value for money</i> dan menepati Skop / Terma Rujukan / <i>Needs Statement</i> yang ditetapkan dan menguntungkan Kerajaan; • Prestasi Pembekal / Penyedia Perkhidmatan / Kontraktor adalah memuaskan; dan • Peruntukan adalah mencukupi dan mengikut maksud yang diluluskan. <p>Dinilai dan diperakukan oleh:</p> <p>_____</p> <p style="text-align: center;">[Tandatangan]</p> <p>Nama Pengerusi:</p> <p>_____</p> <p style="text-align: center;">[Tandatangan]</p> <p>Nama Ahli:</p> <p>_____</p> <p style="text-align: center;">[Tandatangan]</p> <p>Nama Ahli:</p> <p>Tarikh:.....</p> <p>Nota Penting:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sertakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal Dan Kewangan 2. Sekiranya perolehan bekalan / perkhidmatan / kerja telah dirujuk dan diluluskan oleh MMKN, ruangan ini tidak perlu diisi dan maklumat di perenggan 9 hendaklah dilengkapkan.
9.	KEPUTUSAN MMKN (JIKA BERKAITAN)
	<p>Sekiranya bekalan / perkhidmatan / kerja diluluskan oleh MMKN, sertakan maklumat berikut :</p> <p>(i) Tarikh kelulusan MMKN :</p> <p>(ii) Nyatakan kelulusan MMKN :</p> <p>(iii) Harga / kos yang diluluskan MMKN :</p>
10.	PERAKUAN KETUA AGENSI
	<p>Dengan ini saya:-</p> <p>(i) Mengesahkan bahawa maklumat-maklumat tersebut di atas adalah betul dan benar; dan</p> <p>(ii) Bersetuju dengan perakuan yang dibuat oleh Jawatankuasa Cadangan Penilaian Teknikal Dan Kewangan.</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">Tandatangan Ketua Agensi</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Cop Agensi:</p>

Lampiran A

BORANG PERMOHONAN PENGECEUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION / TENDER PROCEDURES)

BORANG PERMOHONAN PENGECEUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION / TENDER PROCEDURES)		
MAKLUMAT TERPERINCI PEMBEKAL / KONTRAKTOR YANG DICADANGKAN		
1. MAKLUMAT PEMBEKAL / KONTRAKTOR		
(i) Sila isi maklumat-maklumat pembekal / kontraktor dengan lengkap pada ruangan yang disediakan (Catatan " <i>SILA RUJUK LAMPIRAN</i> " pada ruangan tersebut adalah tidak dibenarkan); dan		
(ii) Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan SSM, Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>), Borang 24 (Nama Pemegang Saham & Ekuiti) dan Borang 49 (Nama Pengarah Syarikat) bagi Syarikat / Sijil Pendaftaran Perniagaan Firma dengan LHDN / Pejabat Daerah, Ekstrak Nama Perniagaan dan Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>) bagi Firma.		
1.1	Nama Pembekal / Kontraktor	
1.2	No. Pendaftaran Syarikat (SSM) / Firma (LHDN) / Pejabat Daerah	
1.3	Jenis Perniagaan (berdasarkan kepada Lesen Perniagaan (<i>Trade License</i>))	
1.4	Nama Pemegang Saham & Ekuiti	Nama
		Ekuiti (RM/%)
		1.
		2.
1.5	Nama Pengarah Syarikat (bagi Sdn Bhd / Bhd)	1.
		2.
2. BUTIRAN PENDAFTARAN PEMBEKAL / KONTRAKTOR (Sila sertakan salinan Sijil Pendaftaran yang berkaitan):		
2.1 Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)		
(i)	Kelas / Kategori	
(ii)	Kepala / Sub-Kepala	
(iii)	Tarikh Tamat Tempoh Pendaftaran	
(iv)	Status Bumiputera	Ya () Tidak ()
(v)	Tarikh Tamat Tempoh Status Bumiputera	
2.2 Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)		
(i)	Gred	
(ii)	Kategori	
(iii)	Pengkhususan	
(iv)	Tarikh mula berkuatkuasa	
(v)	Tarikh Tamat Tempoh Pendaftaran	

NOTA:

1. Agensi hendaklah mengisi kesemua maklumat-maklumat pembekal / kontraktor yang dicadangkan.
2. Sekiranya ruangan tidak mencukupi, Agensi boleh menggunakan mukasurat tambahan dengan menggunakan format yang sama seperti di atas.


Lampiran A

BORANG PERMOHONAN PENGECUALIAN PROSEDUR SEBUT HARGA / TENDER (WAIVER OF QUOTATION/TENDER PROCEDURES)				
MAKLUMAT TERPERINCI PEMBEKAL / KONTRAKTOR YANG DICADANGKAN				
Nama Pembekal / Kontraktor				
3. Rekod Pengalaman Pembekal / Kontraktor				
3.1 Projek yang telah disiapkan untuk tiga (3) tahun yang lepas				
No.	Nama Projek / Perkhidmatan / Bekalan	Majikan (Employer)	Nilai Kontrak (RM)	Tahun Siap
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				
3.2 Projek dalam pelaksanaan				
No.	Nama Projek / Perkhidmatan / Bekalan	Majikan (Employer)	Nilai Kontrak (RM)	Tahun Siap
1.				
2.				
3.				
4.				
5.				

NOTA:

1. Agensi hendaklah mengisi kesemua maklumat-maklumat pembekal / kontraktor yang dicadangkan.
2. Sekiranya ruangan tidak mencukupi, Agensi boleh menggunakan mukasurat tambahan dengan menggunakan format yang sama seperti di atas.

Permohonan Awad Terus/ Rundingan Terus untuk Perolehan bernilai sehingga RM5 Juta



LAMPIRAN C4

SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) UNTUK PERMOHONAN CADANGAN PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN / KERJA KEPADA *STATE COST COMMITTEE* MELEBIHI RM5 JUTA

No.	Description	Please tick (/) if the checklist is done and type (N/A) for the not related checklist
1.	Official memorandum / letterhead for submission to the State Cost Committee	
2.	<p>To complete form as per <i>Lampiran C5</i></p> <p>1. MINISTRY / DEPARTMENT / AGENCY (to state the name of Implementing Agencies)</p> <p>2. OBJECTIVE(S)/PURPOSE OF PAPER I to state the purpose of the proposal i.e The objective of this paper is to seek the endorsement by the State Cost Committee of the proposed project (name of project) to be awarded to (name of the project proponent) with the project amount of (RM...)]</p> <p>3. PROJECT BACKGROUND (to state the background of the project, may also include the need of this project for MMKN's approval)</p> <p>4. PROPOSAL(S) (to state the project title, scope of the project, detailed information of the project proponent as stated in <i>Lampiran C6</i>) Note: It is recommended to include the details of project proponent in the proposal paper instead of using attachments.</p> <p>5. JUSTIFICATION OF THE PROPOSAL (to state the justification of the proposal to be approved by MMKN (reasons on why the procurement cannot be done through open tender) and shall include any approval from the relevant committee before putting up the proposal to the State Cost Committee.</p> <p>6. FINANCIAL IMPLICATIONS (to state the detailed project estimate and shall include approval by SDEC on : i. The project ceiling/ MP Ceiling ii. Creation of project iii. Any increase of the project ceiling/ MP Ceiling</p> <p>7. Ministry/Department/Agency's Recommendation (to state the recommendation from the relevant Ministries and the implementing agency on this proposal)</p> <p>8. Prepared by (Officer in Charge) (<i>Lampiran C6</i> shall be signed by the officer in charge and confirmed by the Head of Department / representative)</p>	
3.	<p>Supporting documents i.e</p> <p>i. Direction from relevant authority for approval by MMKN;</p> <p>ii. Other relevant attachments.</p>	

LAMPIRAN C5

FORMAT KERTAS CADANGAN PEROLEHAN BEKALAN/ PERKHIDMATAN / KERJA KEPADA STATE COST COMMITTEE MELEBIHI RM5 JUTA

KERTAS CADANGAN PEROLEHAN BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA KEPADA STATE COST COMMITTEE MELEBIHI RM5 JUTA											
1.	Ministry / Department / Agency										
2.	Objective(s) / Purpose Of Paper										
3.	Project Background										
4.	Proposal(s)										
	<ul style="list-style-type: none"> 4.1 Project Title 4.2 Scope Of Works/Supplies/Services 4.3 Proposed Project Proponent/Supplier <ul style="list-style-type: none"> 4.3.1 Company Name <ul style="list-style-type: none"> (a) Paid-Up Capital (b) Financial facilities (Credit facilities, fixed deposit, etc) (c) List Of Directors/Shareholders 4.3.2 UPKJ Registration <ul style="list-style-type: none"> (a) Category/Class Head/Sub-Head (b) Status Bumiputera : Yes/No (c) UPKJ Registration Expiry Date (d) List Of Plant And Equipment (If Applicable) (e) List Of Ongoing Contract (f) List Of Completed Projects (Past 3 Years) (g) Other Relevant Supporting Document 4.3.3 CIDB Registration (If Applicable) <ul style="list-style-type: none"> (a) Grade (b) CIDB Registration Expiry Date 										
5.	Justification Of The Proposal										
6.	Financial Implications										
	<ul style="list-style-type: none"> 6.1 Scheme Value / (.....) MP Ceiling <i>(To Ensure The Funding Is Available Before Brought Up To The State Cost Committee)</i> 6.2 Estimated Total Project/Cost By Ministry/Department/Agency <i>(To Provide Detail Costing)</i> 										
7.	Ministry / Department / Agency's Recommendation										
8.	<table style="width: 100%; border: none;"> <tr> <td style="width: 50%; border: none;">Prepared by (Officer in Charge)</td> <td style="width: 50%; border: none;">Confirmed by (Controlling Officer/ Head of Department/ Head of Agency)</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">Signature :</td> <td style="border: none;">Signature :</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">Name :</td> <td style="border: none;">Name :</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">Designation :</td> <td style="border: none;">Designation :</td> </tr> <tr> <td style="border: none;">Date :</td> <td style="border: none;">Date :</td> </tr> </table>	Prepared by (Officer in Charge)	Confirmed by (Controlling Officer/ Head of Department/ Head of Agency)	Signature :	Signature :	Name :	Name :	Designation :	Designation :	Date :	Date :
Prepared by (Officer in Charge)	Confirmed by (Controlling Officer/ Head of Department/ Head of Agency)										
Signature :	Signature :										
Name :	Name :										
Designation :	Designation :										
Date :	Date :										
	Ministry/Department/Agency's Official Stamp:										

**FORMAT KERTAS BAGI CADANGAN HARGA / KOS RUNDINGAN MUKTAMAD KEPADA
STATE COST COMMITTEE SELEPAS KELULUSAN MMKN**

Format Summary Of Submission To State Cost Committee For The Final Negotiated Cost Upon MMKN Approval															
Project Title															
1. Ministry/ Department / Agency	:														
2. Project Proponent	:														
3. Contract Period	:														
4. Scheme Value / RMK Ceiling	:														
5. Estimated Total Project Cost by Agency	:														
6. MMKN															
(a) MMKN's approval reference	:														
(b) MMKN Date of Meeting	:														
(c) MMKN's Decision	:	(i)													
		(ii)													
		(iii)													
7. Scope of Work	:														
8. Price Negotiation	:														
<table border="1" style="width:100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr style="background-color: #cccccc;"> <th align="center" style="width: 25%;">(1) Department's / Consultant's Estimate</th> <th align="center" style="width: 25%;">(2) Proponent Original Offer (RM) (Date)</th> <th align="center" style="width: 25%;">(3) Agreed Negotiated Price (RM) (Date)</th> <th align="center" style="width: 25%;">(4) Difference with (1) & (2) (Date)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td align="center">(exclude 6% SST)</td> <td align="center">(exclude 6% SST)</td> <td align="center">(exclude 6% GST)</td> <td></td> </tr> <tr> <td align="center">(including 6% SST)</td> <td align="center">(including 6% SST)</td> <td align="center">(including 6% SST)</td> <td></td> </tr> </tbody> </table>				(1) Department's / Consultant's Estimate	(2) Proponent Original Offer (RM) (Date)	(3) Agreed Negotiated Price (RM) (Date)	(4) Difference with (1) & (2) (Date)	(exclude 6% SST)	(exclude 6% SST)	(exclude 6% GST)		(including 6% SST)	(including 6% SST)	(including 6% SST)	
(1) Department's / Consultant's Estimate	(2) Proponent Original Offer (RM) (Date)	(3) Agreed Negotiated Price (RM) (Date)	(4) Difference with (1) & (2) (Date)												
(exclude 6% SST)	(exclude 6% SST)	(exclude 6% GST)													
(including 6% SST)	(including 6% SST)	(including 6% SST)													
9. Agency's Assessment	:														
10. Prepared by (Officer in Charge)		Confirmed by: (Head of Agency)													
Name:		Name:													
Designation:		Designation:													
Department's Official Stamp	:														

Nota: Sila sertakan Minit Mesyuarat Rundingan Harga oleh Jawatankuasa Penilaian Cadangan Teknikal dan Kewangan.

Permohonan Awad Terus/ Rundingan Terus untuk Perolehan bernilai melebihi RM5 Juta

